

# isu Nanyang diharapkan tidak jejas sokongan Cina

UM 24 JUN 2001

KUALA LUMPUR 23 Jun — Isu pembelian Nanyang Press yang turut dikaitkan dengan nama Perdana Menteri tidak akan menjejaskan sokongan masyarakat Cina terhadap Barisan Nasional.

Penjelasan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa beliau tiada kaitan dengan isu pembelian Nanyang oleh MCA juga telah cukup membuktikan bahawa kerajaan tidak pernah mencampuri perkara berkenaan.

Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, ana yang diper-

katakan oleh Perdana Menteri itu merupakan satu amaran yang harus dipatuhi oleh semua pihak terlibat.

Muhyiddin yakin bahawa pendirian Perdana Menteri dalam isu itu tidak menjejaskan sokongan kaum Cina terhadap Barisan Nasional kerana apa yang diperlukan hanyalah penjelasan.

“Hanya penjelasan diperlukan bagi memahami cerita keseluruhan dan jangan membuat dakwaan sehingga menimbulkan kekeliruan seperti berlaku di Lunas,” tegasnya.

Naib Presiden, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib berkata, semua pihak memahami sepenuhnya penjelasan Perdana Menteri bahawa beliau tiada kaitan dengan isu Nanyang.

Menurutnya, tindakan membeli atau menjual Nanyang adalah urusan perniagaan dan tidak sepatutnya dikaitkan dengan Dr. Mahathir.

“Saya juga harap orang Cina dan pihak pihak lain sekarang faham bahawa Dr. Mahathir tidak sekat kebebasan akhbar Cina,” ujarnya.